

BAB 3

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan

Pada dasarnya bab ini memberi tumpuan kepada kaedah penyelidikan ini dijalankan iaitu cara-cara memperolehi data khusus untuk tujuan kajian ini. Selain daripada kaedah, aspek-aspek lain seperti latar belakang umum informan dan rasional pemilihan soalan juga ditinjau. Dalam bab ini juga perlu dikaitkan rangka kerja untuk tujuan ini.

3.1 Kaedah Penyelidikan

Memandangkan kajian ini memerlukan banyak data lisan untuk mengkaji strategi komunikasi pelajar, maka wajar sekali sumber data utamanya diperolehi daripada data yang dikumpulkan semasa aktiviti lisan dihasilkan oleh 24 orang informan yang dipilih secara rawak. Semasa informan menjalankan tugas lisan, mereka dirakamkan dengan alat perakam video di bilik Pandang Dengar di kampus induk Institut Teknologi Mara (ITM). Walaupun mereka menyedari bahawa pertuturan mereka dirakamkan namun mereka tidak merasa kekok berada di

bilik itu kerana mereka telah dibawa ke situ beberapa kali untuk latihan rakaman kerja kursus mereka. Oleh yang demikian suasana keseluruhannya menjadi tidak begitu formal dan tidak menunjukkan ketegangan yang ketara kerana informan lebih memberi perhatian kepada tugas yang diberikan.

Setelah semua rakaman selesai dibuat bagi kesemua tugas, video berkenaan ditayangkan kepada informan. Sekiranya terdapat penggunaan sesuatu strategi, tayangan diberhentikan untuk seketika dan informan berkenaan disoal untuk memberi penjelasan mengapa dia berbuat demikian. Kajian introspektif seperti ini dilakukan terhadap beberapa orang informan yang agak banyak menunjukkan penggunaan strategi. Tujuannya ialah untuk mendapatkan satu kepastian secara langsung daripada informan berkenaan.

Dalam kajian ini, tinjauan kajian berkaitan atau 'literature review' juga dilakukan untuk mendapatkan faktor-faktor yang penting dan kukuh serta pandangan oleh beberapa orang pengkaji terdahulu dalam bidang berkenaan. Ini bererti maklumat sumber sekunder ini dijadikan sebagai maklumat asas mengenai topik berkenaan.

Informan dalam kajian ini juga diberi soal selidik untuk mencungkil latar belakang mereka dan untuk mendapatkan jawapan serta pendapat yang berkaitan dengan topik kajian. Selain daripada tujuan tersebut, soal selidik yang diedarkan itu diharapkan dapat melengkapkan lagi sumber maklumat untuk kajian ini.

3.2 Pemerolehan Data Lisan

Untuk kajian ini hanya data daripada tugas lisan sahaja diperlukan sebagai data untuk mengkaji strategi komunikasi kerana data lisan dapat memperlihatkan jenis-jenis penggunaan strategi komunikasi secara langsung dan menyeluruh semasa tugas lisan dijalankan. Tugas jenis lisan juga memberi kemudahan kepada pengkaji untuk mengesan penggunaan strategi komunikasi yang dihasilkan secara langsung atau pun tidak. Ini adalah kerana informan terpaksa menyampaikan maksud dalam masa yang singkat dan tambahan pula pengetahuan linguistiknya terhad.

Bagi memperolehi data lisan untuk kajian ini, tiga jenis tugas lisan telah dijalankan iaitu:

- (i) tugas lisan berpandukan gambar;
- (ii) tugas lisan separuh berpandu;
- (iii) tugas perbualan berpandu.

3.2.1 Tugas Lisan Berpandukan Gambar

Tugas lisan berpandukan gambar ini merupakan satu penceritaan yang berdasarkan kepada beberapa gambar bersiri dengan tujuan untuk melihat dan meninjau cara informan menyampaikan mesej dalam Bahasa Inggeris kepada kelas. Sebelum memulakan tugas bercerita secara lisan, informan diberi gambar bersiri yang mengandungi enam bahagian dan setiap bahagian mempunyai hubungan dengan yang lain. Informan diberi masa lebih kurang tiga minit untuk memahami jalan cerita atau mendapatkan idea keseluruhan mengenai cerita tersebut.

Pada gambar itu cuma terdapat satu tajuk dan informan tidak dibekalkan dengan apa jua maklumat mengenai ceritanya. Informan ditugaskan bercerita dalam Bahasa Inggeris mengikut kefahaman masing-masing tentang gambar tersebut. Semasa bercerita informan dibenarkan merujuk kepada gambar yang diletakkan di hadapannya.

Semasa bercerita inilah terdapat informan menggunakan beberapa strategi dengan tujuan supaya pendengar dapat memahami dan berkongsi bersamanya apa yang hendak disampaikan. Ada kalanya informan kelihatan mengalami kesukaran leksikal dan kelihatan

seolah-olah meminta bantuan daripada pendengar untuk menolongnya meneruskan tugas.

3.2.2 Tugas Lisan Separuh Berpandu

Untuk tugas lisan separuh berpandu, informan ditugaskan bercakap mengenai suatu topik yang dipilih khas supaya tidak membosankan pendengar. Topik yang dimaksudkan ialah 'My Hobby/Hobbies' kerana setiap informan mungkin mempunyai hobi yang berlainan. Walaupun ada yang sama, cara hobi itu dilaksanakan mungkin berbeza.

Informan digalakkan bercakap dalam masa antara lima hingga sepuluh minit. Namun ada di antara informan yang terlalu asyik bercakap sehinggakan melebihi masa yang diperuntukkan. Ini menunjukkan bahawa informan berkenaan lebih berkeyakinan dan berkeupayaan mengguna Bahasa Inggeris untuk menyampaikan maksud.

3.2.3 Tugas Perbualan Berpandu

Seminggu sebelum rakaman video untuk tugas perbualan, informan diarah untuk membaca berkenaan satu topik iaitu 'Holiday Resorts in Malaysia' yang

merangkumi semua jenis tempat percutian. Tujuannya ialah untuk membekalkan mereka dengan pengetahuan mengenai topik tersebut.

Untuk tugas ini informan menjalankan aktiviti secara berpasangan. Sebelum perbualan dimulakan informan diberi satu situasi untuk peranan masing-masing, dan pasangan ini diberi masa selama sepuluh minit untuk berbincang tentang peranan yang diberikan. Apabila mereka memulakan perbualan, mereka dirakamkan untuk mendapat butir-butir perbualan mereka sebagai data kajian ini.

3.3 Latar Belakang Informan

Informan yang dipilih untuk kajian ini ialah pelajar-pelajar sepenuh masa di ITM. Mereka terdiri daripada 24 orang remaja dan belia iaitu 10 orang lelaki dan 14 orang perempuan. Pada masa kajian ini dijalankan, kesemua informan berkongsi beberapa ciri umum dan pendapat yang sama seperti berikut:

- (a) Kesemua informan berbangsa Melayu dan mereka berumur dalam lingkungan 18 hingga 25 tahun. Ini bererti kesemuanya dilahirkan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

(b) Mereka menerima pendidikan formal dan mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Mereka menerima pembelajaran Bahasa Inggeris secara formal lebih daripada 11 tahun. Ini memberi satu implikasi bahawa mereka mempunyai pengetahuan Bahasa Inggeris untuk menulis dan bertutur dalam bahasa tersebut. Namun bagi yang lemah dalam Bahasa Inggeris, sudah tentu tidak berupaya untuk bertutur dengan baik. Ini mungkin disebabkan oleh keadaan sosio ekonomi keluarga yang tidak dapat memberi pendedahan Bahasa Inggeris dengan secukupnya kepada informan berkenaan. Mungkin juga keadaan di sekelilingnya tidak mengizinkan mereka menggunakan Bahasa Inggeris sehinggalah dia jarang sekali, atau tidak berpeluang langsung untuk bertutur dalam bahasa kedua.

(c) Semasa bertutur di rumah mahu pun dengan kawan-kawan, informan lebih selesa menggunakan Bahasa Melayu daripada Bahasa Inggeris. Ini mungkin sudah menjadi suatu kebiasaan bagi mereka dan

ini bererti mereka tidak membiasakan diri mereka dengan menggunakan Bahasa Inggeris.

- (d) Kesemua informan dalam kajian ini berpendapat bahawa pembelajaran Bahasa Inggeris adalah penting kerana pekerjaan yang mereka akan ceburi nanti mungkin memerlukan mereka menggunakan Bahasa Inggeris dalam komunikasi seharian.
- (e) Informan juga memberi tanggapan yang sama iaitu seseorang yang bertutur dalam Bahasa Inggeris berpotensi untuk lebih maju.
- (f) Kesemua informan suka menonton filem dalam Bahasa Inggeris di televisyen selain daripada program-program Inggeris yang lain.

Informan dalam kajian ini dapat dikategorikan mengikut tahap pencapaian gred Bahasa Inggeris yang diperolehi dalam SPM seperti berikut:

A2 - A1	Cemerlang	-	3 orang
C5 - C3	Sederhana	-	17 orang
P8 - C6	Lemah	-	4 orang
			--
	Jumlah	-	24 orang
			==

Tahap pencapaian ini dapat dibandingkan dengan tahap pencapaian Bahasa Inggeris yang diperolehi apabila mereka belajar di ITM seperti berikut:

A - A+	Cemerlang	-	5 orang
B- - B+	Sederhana	-	16 orang
D - C+	Lemah	-	3 orang
		--	
	Jumlah		24 orang
		==	


Perbandingan secara kasar ini menunjukkan bahawa prestasi yang ditunjukkan oleh informan semasa mereka belajar di ITM tidak jauh berbeza dengan prestasi dalam peperiksaan SPM.

Mengenai pengalaman bekerja, 62.5 % daripada informan tidak pernah bekerja di mana-mana sementara 37.5 % telah mempunyai pengalaman bekerja di beberapa tempat tertentu seperti bank, pasar raya dan restoran. Ada di antara mereka bekerja sebagai juruwang, kerani, jurujual dan pekerja am. Informan yang cuma bekerja kurang daripada setahun ialah 77.8 %, sementara 22.2 % bekerja sambilan selama tiga hingga ke empat tahun.

Mengenai kepentingan pembelajaran Bahasa Inggeris, informan diberi kebebasan memilih lebih daripada satu jawapan. Didapati 100 % informan memberi pendapat yang

sama mengenai kemungkinan mengguna Bahasa Inggeris di tempat kerja. Informan juga memberi pendapat seperti dalam carta bar berikut:

Carta Bar: Kepentingan Pembelajaran Bahasa Inggeris



Informan telah memberi satu tindak balas yang positif mengenai perasaan mereka apabila terpaksa belajar Bahasa Inggeris di ITM. Terdapat 62.5 % daripada informan merasa seronok, 29.2 % merasa gembira dan cuma 8.3 % merasa takut. Namun tidak seorang pun informan yang merasa tidak gembira untuk mempelajari Bahasa Inggeris. Ini menunjukkan informan berminat untuk mempelajari bahasa kedua.

Semasa mempelajari Bahasa Inggeris terdapat 17 orang (70.8 %) informan merasakan '*tenses*' adalah yang paling sukar untuk difahami, 7 orang (29.2 %) pula mengatakan '*parts of speech*' paling sukar, dan 8 orang (33.3 %) mengatakan kosa kata. Ada di antara informan mengatakan '*tenses*' dan '*parts of speech*' sebagai paling sukar; manakala ada yang mengkategorikan '*parts of speech*' dan kosa kata sebagai yang paling sukar. Dengan ini dapat dibuat satu kesimpulan bahawa kesukaran mempelajari sesuatu aspek dalam Bahasa Inggeris bergantung kepada keupayaan sesesorang individu.

Bagi menangani masalah yang dihadapi semasa mempelajari Bahasa Inggeris 9 orang (37.5 %) informan memilih untuk bertanya kepada pensyarah, 12 orang (50.0 %) memilih untuk membaca buku berkenaan, dan 14 orang (58.4 %) memilih untuk berbincang dengan kawan. Ramai di antara informan memilih lebih daripada satu cara untuk menangani masalah mereka.

Mengenai penggunaan Bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian, informan memberi pendapat berikut mengikut kadar 1 sebagai paling penting seperti dalam Jadual 3.

	1	2	3	4	Jumlah
Mendengar dan bertutur	17	5	0	2	24
Membaca	10	6	7	1	24
Menulis	9	8	6	1	24

Jadual 3: Aspek paling penting dalam penggunaan Bahasa Inggeris

Dari jumlah yang diperolehi ternyata bahawa kemahiran mendengar dan bertutur terletak pada tahap yang paling tinggi dan ini menunjukkan bahawa kemahiran ini tidak boleh diabaikan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris.

Kekerapan informan bertutur dalam Bahasa Inggeris tidak memberi sesuatu yang positif kerana terdapat 4.2 % sahaja yang kerap bertutur dalam Bahasa Inggeris, sementara 8.3 % selalu, 50.0 % jarang-jarang dan 37.5 % bertutur dalam Bahasa Inggeris apabila perlu sahaja. Ini mungkin disebabkan keadaan sekeliling yang tidak mengizinkan informan lebih kerap bertutur dalam bahasa

kedua terutama sekali semasa di luar bilik kuliah.

Apabila bertutur dalam Bahasa Inggeris 41.7 % informan berfikir dahulu dalam bahasa ibunda dan kemudian terjemah sebelum meluahkan apa yang hendak disampaikan. Keadaan ini berbeza dengan 58.3 % informan yang terus bercakap dalam Bahasa Inggeris tanpa menterjemah terlebih dahulu sebelum bertutur.

Seramai 14 orang (58.4 %) informan mengaku bahawa mereka kurang fasih apabila bertutur dalam Bahasa Inggeris, manakala 10 orang (41.6 %) merasa sukar hendak menyampaikan maksud. Seramai 7 orang (29.2 %) informan merasakan yang mereka mempunyai kurang pengetahuan leksikal dan hanya 4 orang (16.7 %) informan yang selalu tersalah sebut apabila bertutur dalam Bahasa Inggeris. Namun ramai di antara informan yang mengalami kesukaran untuk menyampaikan maksud dan justeru itu mereka kurang fasih apabila bertutur.

Sekiranya mengalami kesukaran untuk menyampaikan maksud dalam Bahasa Inggeris, informan membuat beberapa pilihan. Seramai 19 orang (79.2 %) memilih dengan cara mengambil masa untuk berfikir, 5 orang (20.8 %) meminta pertolongan daripada kawan, 3 orang (12.5 %) memilih untuk menggunakan bahasa isyarat dan cuma seorang sahaja yang memilih untuk menukar kepada topik lain.

Ramai di antara informan memilih untuk menggunakan perkataan yang hampir sama atau menghuraikan makna sekiranya mereka mengalami kesukaran leksikal dalam Bahasa Inggeris. Hanya terdapat seorang (4.2 %) sahaja informan yang memilih untuk mencipta perkataan baru, sementara 4 orang (16.7 %) memilih untuk menstruktur semula ayat.

Semasa bercakap dalam Bahasa Inggeris, 13 orang (54.2 %) informan berpendapat bahawa pendengar dapat memahami mereka selepas meneka maksud yang hendak disampaikan. Seramai 8 orang (33.3 %) berpendapat bahawa pendengar boleh faham dengan senang dan 5 orang (20.8 %) pula berpendapat bahawa pendengar akan menolong membetulkan mereka. Namun tidak seorang pun yang berpendapat bahawa pendengar tidak boleh memahami apa yang hendak disampaikan dalam Bahasa Inggeris.

Mengenai bahan bacaan, nampaknya informan membaca sama banyak buku teks dalam Bahasa Melayu dan dalam Bahasa Inggeris. Namun informan lebih banyak membaca surat khabar, majalah dan buku cerita dalam Bahasa Melayu. Selain daripada bahan-bahan tersebut terdapat juga informan yang membaca buku rujukan, risalah dan brocur dalam kedua-dua bahasa. Pendedahan kepada bahan bacaan ini dapat dilihat dalam Jadual 4 berikut:

	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
Buku Teks	20	20
Surat khabar	22	21
Majalah	22	18
Buku cerita	17	16
Lain-lain (buku rujukan risalah, brocur)	1	1

Jadual 4: Pendedahan Kepada Bahan Bacaan

Program televisyen dalam Bahasa Inggeris yang paling digemari oleh kesemua 24 orang informan ialah filem. Ini diikuti dengan 19 orang (79.2 %) memilih program dokumentari, 18 orang (75.0 %) memilih rancangan hiburan, 17 orang (70.8 %) menggemari kartun, 15 orang (62.5 %) sukakan berita, 4 orang (16.7 %) suka kepada program pendidikan dan 3 orang (12.5 %) memilih forum. Informan banyak membuat pilihan program mengikut kegunaan masing-masing. Dari pemilihan yang dibuat, informan banyak menerima pendedahan kepada Bahasa Inggeris daripada media elektronik. Ini juga menunjukkan mereka dapat memahami dan mengembangkan pengetahuan mereka mengenai Bahasa Inggeris melalui media tersebut.

3.4 Rasional Pemilihan Soalan

Tumpuan utama soal selidik dalam kajian ini ialah untuk memastikan informan dapat memberikan tiga cabang maklumat yang berhubung kait, iaitu latar belakang pelajar, kekerapan penggunaan Bahasa Inggeris dan pendedahan kepada bahasa tersebut. Faktor mengenai latar belakang pelajar dapat mengukuhkan lagi maklumat yang berhubung dengan pencapaian dan penggunaan Bahasa Inggeris. Faktor-faktor ini adalah seperti kawasan persekitaran tempat lahir, pekerjaan ibu bapa, lokasi sekolah pelajar dan gred yang diperolehi dalam Bahasa Inggeris. Sebagai contoh, pada umumnya penduduk di pantai barat semenanjung mempunyai kelebihan dari segi pendidikan dan sosial yang lebih sempurna semenjak sebelum merdeka lagi. Malangnya kelebihan seumpama ini tidak dialami oleh penduduk di pantai timur melainkan kebelakangan ini sahaja. Oleh itu, bolehlah dianggap bahawa informan yang datang dari pantai barat tidak mengalami banyak masalah atau kesukaran dalam pembelajaran Bahasa Inggeris.

Sebanyak 28 soalan kesemuanya dikemukakan dalam soal selidik dan kebanyakannya berkaitan dengan pembelajaran Bahasa Inggeris dari aspek penggunaan bahasa tersebut. Soalan-soalan dalam soal selidik ini

disediakan supaya tidak membebankan informan kerana boleh dikatakan kesemua soalan memerlukan informan menandakan jawapan pilihan yang disediakan untuk memudahkan mereka menjawabnya dengan tidak banyak menggunakan masa. Walaupun terdapat soalan yang memerlukan jawapan bertulis daripada informan, ia hanyalah jawapan pendek yang hanya memerlukan penerangan ringkas dalam beberapa patah perkataan sahaja.

Soal selidik mengenai latar belakang pendidikan dan sekolah terakhir pelajar adalah penting untuk mengetahui dan seterusnya menganalisa tentang jenis sekolah tempat mereka belajar dahulu, dan tentang tahap pengetahuan Bahasa Inggeris yang mereka perolehi. Pada umumnya pendidikan yang lebih sempurna bergantung kepada jenis dan letaknya sesebuah pertubuhan akademik. Oleh yang demikian, pelajar di sekolah bandar mungkin mengalami kelebihan dari segi pendidikan dan kemudahan seperti aktiviti kurikulum, perpustakaan dan seumpamanya berbanding dengan pelajar di sekolah luar bandar yang serba kekurangan. Sekolah bandar juga mempunyai ramai guru terlatih yang berkelulusan tinggi yang dapat memberi bimbingan dan pendedahan pembelajaran Bahasa Inggeris kepada pelajar. Di bandar juga terdapat kemudahan dari segi sosial seperti

perpustakaan umum dan pawagam yang menayangkan filem Inggeris yang dapat memberi pendedahan kepada penggunaan Bahasa Inggeris. Namun sekolah berasrama penuh, walaupun terletak di sebuah daerah yang terpencil, dianggap lebih baik daripada sekolah bandar yang mempunyai segala kelengkapan tetapi bukan jenis berasrama penuh.

Soalan untuk mengenalpasti tahap pendedahan kepada Bahasa Inggeris dan penggunaan bahasa tersebut juga diajukan kepada informan. Selain daripada ini kekerapan informan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dan dengan siapa mereka berinteraksi juga harus diberi perhatian. Informan juga disoal sama ada mereka mempunyai pengalaman bekerja atau pun tidak. Bagi yang telah bekerja, mungkin mempunyai pengalaman berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan rakan sejawat yang lebih matang.

Soal selidik dalam kajian ini juga memberi tumpuan untuk mengenal pasti kesukaran yang dihadapi oleh pelajar dalam pemerolehan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Soalan berkaitan kesukaran ini

dibahagikan kepada *'tenses'*, *'parts of speech'* dan kosa kata supaya informan dapat memilih bahagian yang menimbulkan kesukaran. Selain daripada ini, aspek pembelajaran Bahasa Inggeris yang diperlukan oleh informan juga dapat dikenal pasti dan perlu diberi perhatian khusus. Ini dapat dikesan melalui jawapan kepada soalan mengenai aspek penggunaan Bahasa Inggeris yang paling penting dalam kehidupan seharian iaitu mendengar dan bertutur, membaca dan menulis.

3.5 Rangka Kerja

Kajian ini dijalankan selama lebih kurang 14 bulan iaitu dari bulan Januari 1995 hingga bulan Februari 1996. Untuk kajian ini banyak masa diperlukan untuk rakaman video bagi mendapatkan data strategi yang digunakan oleh informan dalam tugas lisan berpandu, separuh pandu dan perbualan. Masa yang diperlukan untuk rakaman ialah lebih kurang dua bulan iaitu dari bulan Julai 1995 hingga awal September 1995. Setelah selesai penggambaran bagi setiap tugas, informan diberi peluang untuk menonton video dan pada masa yang

sama kajian introspektif dijalankan. Ini mengambil masa lebih kurang sebulan kerana tayangan tidak dapat diadakan setiap hari.

Tayangan semula video bagi setiap tugas dilakukan di rumah pengkaji untuk pengumpulan data. Ini adalah satu kerja yang amat rumit kerana ia harus dijalankan dengan teliti. Pengumpulan data ini mengambil masa lebih kurang dua bulan untuk mendapatkan transkrip yang paling tepat yang dihasilkan oleh informan. Namun bagi kajian ini hanya lima contoh transkrip penuh bagi setiap tugas dilampirkan. Ini berdasarkan transkrip daripada informan yang paling banyak dan paling kerap menggunakan strategi semasa menjalankan tugas. Lampiran transkrip daripada kesemua informan dalam setiap tugas dirasakan tidak perlu kerana terlalu banyak untuk dijadikan sebagai lampiran. Setelah kesemua transkrip dikumpulkan barulah dibuat satu analisis strategi berdasarkan data yang diperolehi.

Pengumpulan faktor dari sumber sekunder mengenai strategi komunikasi telah pun dikumpul di perpustakaan selama lebih kurang enam bulan iaitu dari bulan Januari 1995 hingga bulan Jun 1995. Pengumpulan faktor berkenaan memerlukan pembacaan yang teliti dan

pemikiran serta perbincangan secara analitikal. Akhir sekali barulah penulisan dapat dimulakan setelah mengenal pasti butir-butir yang terdapat dalam penganalisaan data. Kerja-kerja menyusun fakta dan menyiapkan penulisan mengambil masa lebih kurang empat bulan.